

SOALAN NO. 75**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN N. SURENDRAN A/L
K. NAGARAJAN [PADANG SERAI]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghentikan pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman yang mana mereka tidak mempunyai jaminan tempoh jawatan (security of tenure), untuk memastikan kebebasan Institusi Kehakiman.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman seperti yang termaktub di dalam Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, boleh melantik mana-mana orang yang layak menjadi sebagai Pesuruhjaya Kehakiman bagi menyegerakan dan menyelesaikan urusan Mahkamah Tinggi. Ini bermaksud pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman adalah untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak di Mahkamah Tinggi.

Dari segi amalannya, tempoh perkhidmatan seorang Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik adalah selama dua tahun. Dalam tempoh tersebut, Pesuruhjaya Kehakiman yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan iaitu menunjukkan prestasi cemerlang, berkebolehan intelek, cekap, mempunyai kualiti peribadi yang adil dan membuat keputusan berdasarkan fakta-fakta kes serta undang-undang akan dipertimbangkan untuk menyandang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi.

Oleh itu, isu jaminan tempoh jawatan (security of tenure) tidak berbangkit dalam pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman memandangkan pelantikan tersebut dibuat berlandaskan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

RUJUKAN : 10084

SOALAN :

Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status terkini siasatan ke atas kes pembunuhan Bekas Timbalan Pendakwa Raya, Kevin Morais .

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan kes pembunuhan Anthony Kevin Morais telah selesai dijalankan oleh pihak polis. Seramai 8 orang suspek yang terlibat dalam kes pembunuhan tersebut telah ditangkap. Daripada jumlah tersebut, 7 orang suspek telah dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan manakala seorang lagi suspek telah dituduh di bawah Seksyen 201 Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan hilangnya keterangan mengenai sesuatu kesalahan yang dilakukan, atau memberi maklumat palsu mengenai kesalahan itu, bagi mengelakkan pesalah daripada seksaan. Suspek telah dijatuhkan hukuman penjara selama 2 tahun. Mahkamah telah menetapkan tarikh sambung bicara kes ini pada 4 September 2017.